

30 DEC 1999

CLOB-PENAMA

M'SIA MUNGKIN LANJUTKAN STATUS PENAMA CDP SINGAPURA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Malaysia mungkin melanjutkan status penama Central Depository Pte Ltd (CDP) Singapura yang memegang saham-saham Central Limit Order Book (CLOB) International yang dibekukan, tetapi ia terletak kepada budi bicara Kementerian Kewangan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Status penama CDP ini akan tamat esok.

"Sekiranya isu CLOB tidak diselesaikan dan persetujuan tidak dicapai ... kita akan mengambil alih saham-saham berkenaan jika perlu," kata perdana menteri kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Pengajian Agama: "Menghadapi Alaf Baru", anjuran Persatuan Pengajian Agama Chi Hui Tang Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Saham-saham Clob dikatakan bernilai RM17 bilion, telah dibekukan sejak Malaysia melaksanakan kawalan modal pada September 1998 dan saham-saham itu kini dipegang di dalam akaun penama menerusi CDP di Depositori Pusat Malaysia (MCD).

Hanya sekiranya status itu diperbaharui, saham-saham itu akan dipindahkan ke Kementerian Kewangan.

Sebahagian daripada pelabur-pelabur Clob dikatakan bertanggung jawab dalam menjatuhkan urusan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ketika krisis kewangan sedang memuncak (1997-1998), dengan Clob berperanan sebagai "saluran" untuk pengurus-pengurus lindung nilai membuat penjualan singkat ke atas saham-saham Malaysia.

Selepas saham-saham CLOB dibekukan pada Sept 1998 sejajar dengan langkah Malaysia untuk memastikan semua dagangan saham-saham Malaysia dilakukan di bursa yang diiktiraf oleh BSKL, saham-saham ini telah dipindahkan kepada akaun khas CDP yang diberikan status penama.

Semenjak itu, sekurang-kurangnya enam cadangan telah dikemukakan oleh sektor swasta bagi menyelesaikan dan membebaskan saham-saham itu untuk diniagakan di BSKL.

Bagaimanapun, pelabur-pelabur Singapura telah menolak kesemua cadangan berkenaan.

Dr Mahathir berkata pemegang-pemegang saham CLOB seharusnya gembira dan menerima sebarang tawaran yang dicadangkan memandangkan harga saham-saham berkenaan telah meningkat lebih daripada 200 peratus sejak sekatan dilaksanakan.

"Tetapi nampaknya, mereka mahu mendapatkan keuntungan yang maksimum selepas mereka sendiri merosakkan pasaran kita," tambah beliau.

Beliau berkata semasa sekatan-sekatan itu dilaksanakan, harga-harga saham telahpun berada di paras rendah ekoran urusan di Clob sendiri di samping penjualan saham oleh para pelabur.

Perdana Menteri menambah, para pelabur Clob boleh memberikan persetujuan bersyarat yang mereka akan menerima tawaran yang ditawarkan dan perkara-perkara terperinci boleh dirundingkan bersama.

"Tetapi, mereka sengaja menangguh-nangguhkannya ... tawaran telah dibuat awal-awal lagi ... mereka menentang segala-galanya dan mahukan semuanya untuk diri mereka sendiri. Saya fikir ini tidak betul.

"Nilai saham meningkat bukan kerana mereka mengurusniaga tetapi oleh urusan yang dilakukan oleh orang lain," tambah beliau.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menegaskan, walaupun saham-saham itu diletakkan di bawah Kementerian Kewangan, saham-saham itu masih dimiliki oleh pemegang-pemegang saham berkenaan dan "kita boleh tebus, ataupun

dengan cara lain memberi pampasan untuk saham-saham mereka".

Ditanya mengenai jangkaan prestasi pasaran saham pada tahun baru, perdana menteri berkata pasaran tempatan dijangka menunjukkan prestasi yang baik tahun depan memandangkan aktiviti perniagaan dan syarikat-syarikat kian bertambah baik.

Mengenai pertumbuhan ekonomi negara untuk tahun ini, beliau berkata "kemungkinan pertumbuhan akan melepasi empat peratus yang disasarkan iaitu empat kali lebih baik daripada sasaran awal satu peratus".

Beliau berkata ekonomi kian baik kerana ia telah dirangsang oleh kawalan modal dan peniaga-peniaga matawang tidak lagi boleh memanipulasikan matawang. -- BERNAMA

SHO AA OS